

Negara Pasifik

BH 23 MAR 1994

mesti produktif: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara-negara rantau Pasifik membentuk satu masyarakat egalitarian (sama rata) melalui gagasan Pax Pasifica bagi memastikan mereka lebih produktif.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri meminta Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC), Majlis Lingkungan Ekonomi Pasifik (PBEC), Pafad, forum serantau Asean dan forum serantau lain menyumbang ke arah cita-cita itu.

Menurutnya, bagi memastikan masyarakat produktif menjadi kenyataan, pembentukan masyarakat Pasifik egalitarian adalah perlu, bukannya masyarakat yang bersifat hegemoni.

"Bagi Malaysia, kita tidak boleh menerima Pax Sinica, Pax Nipponica dan Pax Americana, baik sekarang mahu pun pada masa depan. Sebaliknya, kita percaya kepada pembentukan Pax Pacifica iaitu satu pakatan tanpa pemerintah, pelindung dan

keperluan bagi rantau ekonomi yang terbuka.

Menurutnya, jika ada sebarang keraguan bagi rantau yang terbuka, pilihan lain ialah keterbukaan sejagat.

Sambil menegaskan ekonomi serantau adalah hakikat yang tidak boleh diketepikan dalam konteks dunia hari ini, Dr Mahathir mahu semua negara yang menganggotai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kecuali negara di bahagian Asia Timur Laut, membabitkan diri lebih daripada satu blok perdagangan.

"Asean akan ada Kawasan Perdagangan Bebas Asean manakala Kanada dan Mexico akan mempunyai Nafta," katanya.

Menurut Dr Mahathir, beliau ialah seorang nasionalis, Aseanis, Asianis, globalis dan Pacifican.

Sebagai nasionalis, beliau mahu ekonomi Malaysia terus terbuka bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020, manakala sebagai Aseanis, beliau mahu melihat Asean terus kukuh, berdaya saing dan makmur.

pihak yang berkuasa.

"Bagaimanapun masyarakat egalitarian yang hendak dibentuk itu bukan mengetepikan kepemimpinan kerana pemimpin bertanggungjawab memimpin tetapi sentiasa hormat menghormati dan demi kepentingan bersama," katanya.

Dr Mahathir menegaskan ketika menyampaikan ucapan dasarnya di Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-10 PECC, di sini hari ini. Kira-kira 600 peserta dari lebih 20 negara hadir di persidangan tiga hari bertemakan 'Rantau Terbuka: Melangkah Ke Hadapan' itu.

Antara tokoh luar negara yang hadir ialah bekas Presiden Chile, Presiden Patricio Aylwin Azocar. Hadir sama ialah Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Datuk Dr Nordin Soviee dan Pengerusi Emeritus PECC, Richard Fairbanks.

Perdana Menteri percaya masyarakat Pasifik yang hendak dibina itu harus berteraskan prinsip demokrasi dan musyawarah serta komited menjayakannya selaras dengan

Sebagai pencinta Asia dan Asia Timur pula, kata Perdana Menteri, beliau mahu rantau ini terus terbuka dan menjalin kerjasama ekonomi.

"Saya yakin cadangan Asean bagi EAEC adalah idea yang tidak boleh diketepikan begitu saja. Sebagai seorang yang globalis, saya harus menentang dasar perlindungan dan paksaan ekonomi antarabangsa. Kita harus berjuang ke arah mewujudkan perdagangan bebas dan adil.

"Sebagai anggota masyarakat Pasifik, saya meminta supaya tumpuan diberi kepada PECC dan setiap negara berjuang bagi memastikan rantau terbuka di wilayah Pasifik," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua pihak di Pasifik terutama pemimpin intelektual dan ahli perniagaannya harus berganding bahu bagi mencapai tujuan itu terutama bagi memastikan rantau berkenaan terus terbuka.

Beliau mengulangi Malaysia akan terus memainkan fungsi aktif dalam

LIHAT MUKA 2

Negara rantau Pasifik mesti maju:

BH 23 MAR 1994
Mahathir

DARI MUKA 1

membentuk masyarakat baru sedunia berasaskan kesamarataan, saling menghormati dan adil.

"Kita akan melakukan apa yang sepatutnya walaupun terpaksa berkorban untuk mencapainya. Saya percaya kita harus membina masyarakat Pasifik yang kuat bukan sebagai sebuah kelab atau persatuan dengan kepentingan pihak tertentu, yang hanya wujud hari ini dan musnah kesokannya," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, perhubungan sosial Pasifik yang hendak dibina itu bukanlah sesuatu bersifat palsu, terlalu terikat kepada undang-undang, struktur dan institusi.

Sehubungan dengan itu, beliau mahu semua pihak di rantau ini mempelajari sifat sabar yang ada dalam warisan budaya tradisional dengan melakukan segala usaha dan pekerjaan secara beransur-ansur.

Sambil memetik peribahasa 'kota Rome tidak dibina dalam sehari', Dr Mahathir berkata masyarakat tulen Pasifik tidak boleh dibina dalam satu dekad, sebaliknya mengambil masa panjang serta memerlukan keupayaan untuk kekal bersaing.

"Kita harus sedar membina masyarakat tulen tidak seharusnya menjadi monopoli birokrat kerajaan. Ia hanya boleh dibina melalui pembabitian bersama yang bekerja sepanjang masa," katanya.